

Headline	Bangunkan teknologi tenaga alternatif secara agresif		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	12 Oct 2016	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	TEMPATAN	Page No	10
ArticleSize	323 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,965		



Bangunkan teknologi tenaga alternatif secara agresif

MELAKA: Teknologi penjanaan tenaga elektrik melalui sumber alternatif seperti solar dan angin perlu dibangunkan dengan agresif bagi menampung keperluan tenaga elektrik rakyat yang semakin meningkat, kata Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Beliau berkata penjanaan tenaga elektrik konvensional digunakan sekarang seperti arang batu dan hidroelektrik mempunyai had tertentu, malah secara

bersendirian teknologi tersebut tidak akan mampu memenuhi keperluan tenaga rakyat pada masa akan datang.

"Kita di kementerian sentiasa terbuka kepada cadangan sumber alternatif lain bagi penjanaan tenaga elektrik, yang kita tahu solar dan angin tetapi ada juga kita lihat ombak, biomas dan pelbagai lagi.

"Saya percaya, malah usaha

telah dilakukan supaya suatu hari nanti penjanaan tenaga daripada sumber alternatif ini mampu berada di hadapan sebagai penjana utama menggantikan cara penjanaan konvensional sekarang," katanya pada sidang media di sini semalam.

Terdahulu beliau mengadakan lawatan ke 'solar farm' kendalian Gading Kencana Sdn Bhd di Ayer Keroh di sini yang turut dihadiri Pengarah Urusan syarikat itu Datuk Guntor Tobeng.

Solar farm yang beroperasi sejak Disember 2014 itu mampu menjana 11.5 juta kilowatt tenaga elektrik yang disalurkan kepada Tenaga Nasional Berhad untuk kegunaan rakyat seluruh negara.

Abu Bakar berkata penjanaan tenaga elektrik menggunakan sumber alternatif juga dapat mengurangkan pencemaran dan kerosakan alam sekitar

berbanding penjanaan tenaga konvensional seperti menggunakan arang batu.

Bagaimanapun beliau menegaskan semua usaha membangunkan teknologi itu akan menjadi sia-sia sekiranya rakyat tidak mempunyai fikiran terbuka untuk menerima dan menggunakan inovasi baharu hasil pembangunan teknologi tersebut.

"Masalah kita sekarang bukan tidak boleh hasilkan teknologi atau inovasi baharu tetapi lebih kepada penerimaan terhadap teknologi itu, adakah rakyat boleh menerima inovasi baharu untuk membantu kehidupan mereka.

"Orang Malaysia mesti percaya kepada teknologi, kita mahu jana tenaga daripada sumber alternatif mesti disertai dengan kesanggupan dan kepercayaan kita sendiri," katanya. - Bernama



KENANGAN ... Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah (tengah) bergambar bersama 160 peserta bengkel Pelan Tindakan Nano Keselamatan 2016 dari sekolah seluruh negara pada majlis perasmian Nano Kebangsaan (NanoKEB) 2016 di Taman Teknologi Malaysia semalam. NanoKEB merupakan satu platform yang diwujudkan untuk penggiat-penggiat nanoteknologi negara berkongsi pengetahuan dan maklumat terkini berkenaan teknologi nano dalam aspek penyelidikan, pengujian, proses pembuatan, keselamatan pengendalian bahan dan pengkomersialan produk.